



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 5 NOVEMBER 2019**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|
| 1. 2. 3. | BANTUAN BUJAN UNTUK PANCING UNDI, PRK PARLIMEN TANJUNG PIAI, SH -6 KURANGKAN BIROKRASI SALUR BANTUAN, BH -ONLINE KERAJAAN JOHOR JELASKAN BANTUAN DILULUSKAN SEBELUM KEMPEN PRK, SH -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 4. | NAFAS FOKUS PROJEK UNTUNGAN AHLI, NASIONAL, SH -5 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 5. | LESSONS FROM A DEAD WHALE, NATION, THE STAR -14 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 6. | MAKAN DALAM KELAMBU, PENDUDUK RAYU K'JAAN SELESAI MASALAH LALAT, MALAYSIA KINI -ONLINE | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 7. | MAQIS RAMPAS ORKID DARI NEGARA JIRAN, SH -ONLINE | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 8. 9. 10. 11. | BANTAH PROJEK TAMBAK LAUT, SINAR NEGERI P.PINANG, SH -34 1,000 NELAYAN, NGO, AKTIVIS ANJUR BANTAHAN AMAN, LOKAL, HM -15 1,000 FISHERMEN JAND PROTEST MEMO TO PENANG GOVT OVER PSR PROJECT, NST -ONLINE FISHERMEN PROTEST AGAINST RECLAMATION, NATION/NEWS, NST -11 | PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT) |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|---------|------------|
| 5/11/2019 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

Kurangkan birokrasi salur bantuan



PONTIAN: Kerajaan komited mengurangkan kerenah birokrasi yang menyebabkan penyaluran bantuan kepada orang ramai terutama membabitkan kes mangsa bencana, mengambil masa agak lama.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata proses itu perlu dilakukan tanpa birokrasi supaya diterima golongan sasaran dalam kadar segera.

Komitmen itu sejajar dengan perkembangan teknologi semasa, terutama dalam keadaan bantuan boleh dipercepatkan menerusi permohonan secara dalam talian.

"Kalau boleh bantu setiap musibah itu secepat mungkin, malah sebenarnya kita boleh buat sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri.

"Kalau kita benar-benar ambil perhatian, dalam tempoh dua minggu sudah boleh hulurkan bantuan berbanding masa agak lama ketika ini.

"Kerajaan Persekutuan dan negeri berusaha memperbaiki kelemahan dalam pengurusan sesuatu perkara," katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan bantuan pembinaan semula rumah mangsa kebakaran di Kampung Serkat Laut di sini, hari ini.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Johor, Jimmy Puah Wee Tse, berkata Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) memperuntukkan kira-kira RM750,000 tahun ini bagi membina 12 unit rumah yang dilanda bencana di seluruh Johor.

Katanya, ia termasuk sebuah unit di Parlimen Tanjung Piai dan menegaskan ia tidak mempunyai kaitan dengan Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan itu.

Katanya, rumah enam sekeluarga itu musnah dalam kebakaran pada Jun tahun lalu, menyebabkan mangsa terpaksa menumpang di rumah saudara.

SALAHUDDIN Ayub (tengah) bertemu mangsa kebakaran rumah, pada majlis penyerahan bantuan pembinaan semula rumah mangsa kebakaran, di Kampung Serkat Laut, Pontian. - Foto NSTP/Mohd Azren Jamaludin

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 5/11/2019 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

Kerajaan Johor jelaskan bantuan diluluskan sebelum kempen PRK



Salahuddin (tiga dari kiri), Jimmy (empat dari kiri) menyerahkan surat bantuan rumah kepada Abdul Rahman (dua dari kanan) di Kampung Serkat Laut, Pontian semalam.

PONTIAN - Kerajaan Negeri menafikan dakwaan bantuan rumah yang diberikan kepada mangsa kebakaran di Kampung Serkat Laut di sini disebabkan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai.

Exco Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Johor, Jimmy Puah Wee Tse berkata, sebaliknya bantuan diterima oleh Abdul Rahman Atan, 49, itu telah diluluskan lebih awal oleh Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) sebelum ini iaitu pada 4 Ogos lalu.

"Bantuan rumah yang diterima sebanyak RM65,000. Pihak kami gembira dapat bantu Abdul Rahman yang mempunyai enam orang anak termasuk anak keduanya yang bisu dan pekak.

"Usaha membantu Abdul Rahman sudah dimulakan oleh Allahyarham Datuk Dr Md Farid Md Rafik yang merupakan Ahli Parlimen Tanjung Piai ketika itu. Oleh itu hari ini kita teruskan usaha beliau," katanya.

Beliau sebelum itu bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub menyampaikan bantuan kepada Abdul Rahman Atan di Serkat Laut, Kukup.

Jimmy Puah berkata, MAIJ memperuntukkan kira-kira RM750,000 pada tahun ini bagi membina 12 unit rumah di seluruh Johor yang dilanda bencana.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, dia amat bersyukur dengan bantuan yang diterima itu kerana dapat meringankan bebannya untuk membina rumah baharu.

Katanya, selepas rumahnya terbakar dua tahun lalu, dia menanggunghkan pembinaan rumah baharu kerana wang perlu digunakan terlebih dahulu untuk menanggung enam orang anaknya yang masih bersekolah.

"Syukur atas bantuan yang diberikan. Pendapatan bekerja sebagai penyelia di sebuah pusat peranginan di Kukup sekadar mencukupi.

"Tragedi kebakaran yang berlaku dua tahun lalu telah memusnahkan keseluruhan rumah memaksa kami menumpang di rumah saudara sehingga hari ini," katanya.

Bantuan bukan untuk pancing undi



Salahuddin (tiga dari kiri), Jimmy (empat dari kiri) menyerahkan surat bantuan rumah kepada Abdul Rahman (dua dari kanan) di Kampung Serkat Laut, Pontian semalam.

Kerajaan Johor jelaskan bantuan diluluskan sebelum kempen PRK

NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN

Kerajaan Johor menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa bantuan rumah yang diberikan kepada mangsa kebakaran di Kampung Serkat Laut di sini disebabkan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai.

Exco Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Johor, Jimmy Pua Wee Tse sebaliknya berkata, bantuan diteri-

ma mangsa, Abdul Rahman Atan, 49, itu telah diluluskan lebih awal oleh Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) iaitu pada 4 Ogos lalu.

"Bantuan rumah yang diterima sebanyak RM65,000. Pihak kami gembira dapat bantu Abdul Rahman yang mempunyai enam orang anak termasuk anak keduanya yang bisu dan pekak.

"Usaha membantu Abdul Rahman sudah dimulakan oleh Allahyarham Datuk Dr Md Farid Md Rafik yang merupakan Ahli Parlimen Tanjung Piai ketika itu. Oleh itu, hari ini (semalam) kita teruskan usaha beliau," katanya.

Jimmy Pua berkata, MAIJ memperuntukkan kira-kira RM750,000 pada tahun ini bagi membina 12 unit rumah di seluruh Johor yang dilanda bencana.

Terdahulu, beliau bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub menyampaikan bantuan

kepada Abdul Rahman Atan di Serkat Laut, Kukup di sini.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, dia amat bersyukur dengan bantuan yang diterima itu kerana dapat meringankan bebannya untuk membina rumah baharu.

Katanya, selepas rumahnya terbakar dua tahun lalu, dia menanggung pembinaan rumah baharu kerana wang perlu digunakan terlebih dahulu untuk menanggung enam orang anaknya yang masih bersekolah.

"Syukur atas bantuan yang diberikan. Pendapatan bekerja sebagai penyelia di sebuah pusat peranginan di Kukup sekadar mencukupi.

"Tragedi kebakaran yang berlaku dua tahun lalu telah memusnahkan keseluruhan rumah memaksa kami menumpang di rumah saudara sehingga kini," katanya.

Nafas fokus projek untungkan ahli

Skop lebih besar, usahakan sarang burung walit dan pertanian jangka pendek

ROSMIZA KASIM

JELI

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) memberikan fokus kepada projek yang membawa keuntungan terhadap ahli-ahlinya di peringkat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh Malaysia.

Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Abdul Aziz Derashid berkata, sebelum ini Nafas lebih tertumpu kepada industri kilang padi tetapi untuk konservatif seperti mewujudkan skop yang lebih besar untuk dimanfaatkan secara bersama.

Menurutnya, salah satu

bentuk projek yang dilihat berpotensi dikembangkan di seluruh Malaysia adalah mengusahakan sarang burung walit dan pertanian jangka pendek termasuk mengkomersialkan produk keluaran ahli sendiri.

"Sekarang ini di seluruh Malaysia termasuk Kelantan, saya melihat ahli boleh terlibat dalam pertanian jangka pendek seperti penanaman lada, jagung dan tembikai untuk mendapat keuntungan jangka masa singkat.

"Contohnya di Kelantan, terdapat banyak tanah terbiar boleh dimanfaatkan untuk penanaman yang boleh dituai dengan cepat. Nafas juga sentiasa membantu peladang ke arah itu," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu, beliau yang juga Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Kelantan merasmikan program Kelantan Peladang Kelantan di PPK Lembah Pergau Kuala Balah.

Pada program tersebut, seramai 250 penerima asnaf peladang dari PPK Lembah Pergau, Stong dan Jeli menerima zakat berjumlah RM200 setiap seorang dengan



Abdul Aziz (empat darul kiri) menyampaikan zakat kepada Halimah Hassan, 81, sempena program Kasih Peladang Kelantan di PPK Lembah Pergau Kuala Balah di Jeli semalam.

jumlah keseluruhan sebanyak RM150,000. Hadir sama, Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Ishak Taib; Pengarah Pembangunan Peladang Nafas, Abu Sujak Saheji dan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Stong, Abdul Rashid Muhtamad.

Dalam pada itu, Abdul Aziz juga berharap kerajaan negeri dan kerajaan Pusat meneruskan kecaknaan terhadap semua ahli PPK di seluruh negara yang berjumlah lebih 900,000 orang. "Nafas juga akan berusaha meremajakan sektor pertanian di Malaysia kerana kerja di ladang hari ini lebih dikuasai golongan berusia. Nafas akan cuba untuk menarik minat golongan ke-

"Sebenarnya pertanian ini memberikan pendapatan yang lebih tinggi berbanding memilih merantau bekerja di luar negeri dengan gaji hanya sekitar RM2,000 ke bawah," katanya.

Sementara itu, seorang penerima, Mariam Yaakob, 68, yang merupakan ibu tunggal bersyukur dengan pemberian zakat Nafas kerana dapat membantu menampung perbelanjaan keluarganya.

"Saya usahakan getah lebih 20 tahun lalu. Terima kasih Nafas beri rezeki untuk kami. Duit ini boleh bantu saya membeli barang dapur untuk perbelanjaan musim banjir," katanya.

Seorang lagi penerima, Rospi Dollah, 47, yang lebih 10 tahun mengusahakan tanaman jagung di Kampung Bendang, Kampung Lamai menyifatkan pemberian zakat itu sebagai kecaknaan Nafas terhadap peladang di Jeli.

"Alhamdulillah sebelum ini dapat sebanyak RM100 tapi hari ini sudah bertambah kepada RM200 seorang," katanya.

Lessons from a dead whale

Fisherman vows to keep sea clean and save its creatures

By MÖHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

PONTIAN: A fisherman has made his mission to keep the sea clean of garbage after an encounter with a beached whale three years ago.

Ismail Sirat (pic) said he still remembers the day he rescued a stranded Sei whale, which subsequently died after ingesting pieces of plastic.

The father of six said the Sei whale was stranded about 100m away from Pantai Rambah in February 2016.

"My friends kept calling me on my mobile phone saying there was a whale stranded and I decided to have a look.

"I thought they were joking.

"When I arrived at Pantai Rambah, I saw the whale moving its tail up and down but nobody helped although there was a large crowd there," he said when met at the Sungai Rambah jetty here yesterday.

The father of six, who has been a fisherman for three decades, said he went straight to his boat and took it out to rescue the whale with the help of his friends.

He said the water was shallow and he knew the whale was not in a

good condition as it kept making sounds and moving its tail up and down.

Ismail said a rope was tied around the whale's tail before it was pulled out to deeper waters.

"After a few hours of pulling its tail, the whale was able to swim on its own and I released it," he

said.

However, his joy was short-lived after her learnt that the whale died a few days later at Sungai Sarang Buaya in Batu Pahat.

The 12m-long male Sei whale,



weighing 15 tonnes, died due to badly damaged internal organs as well as a parasite found in its carcass.

The Johor Fisheries Department conducted a post-mortem and discovered small pieces of plastic garbage that had already decayed.

Ismail now picks up garbage whenever he goes out to sea hoping to save more marine life, as his livelihood depends on the sea.

"After a thunderstorm or heavy rain, the garbage I collected can be as big as a football. The sea here is part of major shipping routes.

"I am doing a small part and hope to see another whale in Pontian waters again as the creatures are beautiful," he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|------------------|---------|------------|
| 5/11/2019 | MALAYSIA KINI | ONLINE | |

Makan dalam kelambu, penduduk rayu k'jaan selesai masalah lalat



Nak makan pun kena dalam kelambu. Itulah antara cabaran terpaksa dihadapi kira-kira 500 penduduk kampung di Segari, Lumut, yang sudah tidak tahan 'hidup' bersama lalat sejak 20 tahun lalu dan mendesak kerajaan negeri menyelesaikan masalah itu.

Bukan sahaja mengganggu kegiatan harian, kehadiran serangga itu yang didakwa ekoran kewujudan ladang ternakan ayam berhampiran kawasan penempatan penduduk, juga menjejaskan punca rezeki mereka.

Seorang penduduk, Mazeli Md Desa, 44, dari Kampung Batu 10 berkata kediamannya terletak kira-kira 100 meter dari ladang

ternakan ayam itu, dan dia sekeluarga sudah tidak mampu bertahan dengan masalah lalat yang mengganggu kehidupan seharian.

"Lalat mengganggu kami siang dan malam sehingga hendak makan pun kami terpaksa pakai kelambu untuk mengelak makanan dan minuman dihinggap lalat, pintu rumah memang tak boleh nak buka sebab mahu elak lalat masuk ke dalam rumah," katanya ketika ditemui pemberita selepas membuat aduan tersebut di Jabatan Veterinar Perak di sini, hari ini.

Seorang wakil penduduk, Zubaidah Zakaria, 49, dari Kampung Semangat, Segari pula berkata penduduk kampung telah mengajukan aduan kepada pelbagai pihak termasuk pemimpin politik di kawasan itu, namun tiada tindakan lanjut yang mampu menyelesaikan isu gangguan lalat, sehingga menjejaskan peruk nasi dan aktiviti seharian penduduk kampung tersebut.

"Kami mahu isu (gangguan lalat) ini diselesaikan tetapi apa yang kami lihat tindakan yang dibuat pihak berwajib sebelum ini seperti acuh tak acuh sahaja, tidak ada penyelesaian. Apabila aduan dibuat, pihak berkenaan hanya membuat semburan asap (fogging) tetapi masalah lalat tetap tak selesai juga.

"Penduduk kampung telah bersepatu mahu melantik peguam memfailkan saman terhadap pemilik ladang ternakan ayam dan pihak bertanggungjawab, sekiranya tiada apa-apa tindakan diambil oleh mana-mana pihak selepas ini," katanya.

Zubaidah yang berniaga nasi lemak berkata pelanggan yang membeli makanan di gerainya sering mengadu sakit perut disebabkan jangkitan penyakit yang berpunca daripada lalat.

Sementara itu, Penyelidik Lapangan Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meor Razak Meor Abdul Rahman berkata masalah lalat yang berlaku itu boleh menjejaskan sektor pelancongan di kawasan pantai Pasir Panjang dan Pantai Teluk Senangin, di kawasan tersebut.

"Kami daripada beberapa pertubuhan bukan kerajaan sudah beberapa kali mengutarakan masalah lalat tersebut, antaranya kepada Pejabat Daerah dan Tanah Manjung serta Jabatan Alam Sekitar, namun sehingga kini masalah tersebut masih berlaku.

"Kami tidak mahu pihak berkuasa yang berkenaan hanya sekadar mengeluarkan kenyataan akan menyiasat apabila isu itu dibangkitkan tetapi tidak ada tindakan susulan dilakukan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 5/11/2019 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

Maqis rampas orkid dari negara jiran



Tiga bekas orkid dari Thailand tanpa sebarang dokumen sah dirampas oleh Maqis di balai ketibaan KLIA kelmarin.

SEPANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya mematahkan cubaan membawa masuk tiga bekas orkid dari Thailand tanpa sebarang dokumen sah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Selangor/ Negeri Sembilan, Dr Tamisai Alimin berkata, pihaknya telah menjalankan pemeriksaan terhadap seorang warga Thailand di balai ketibaan KLIA kira-kira jam 10 malam.

"Hasil pemeriksaan mendapati lelaki tersebut membawa orkid yang diletakkan di dalam tiga bekas yang berasingan. Orkid itu dipercayai dibawa masuk untuk kegunaannya sendiri.

"Orkid tersebut dirampas kerana tiada sebarang dokumen yang sah seperti permit import dan sijil fitosanitasi daripada negara asal," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurutnya, tindakan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit import sah daripada Maqis merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 726) yang boleh dikenakan hukuman di bawah Seksyen 11(3) akta sama.

"Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa mengambil langkah serius dan tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasa bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan terpelihara.

Katanya, Maqis sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan di pintu masuk negara ini.

"Langkah ini bagi menjamin keselamatan keluaran pertanian yang masuk ke dalam negara dan mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan oleh kerajaan," katanya.

Bantah projek tambak laut

1,000 nelayan berhimpun serah memorandum kepada kerajaan Pulau Pinang

SYAJARATULHUDA
MOHD ROSLI

GEORGETOWN

Kira-kira 1,000 nelayan Pulau Pinang berkumpul di Padang Kota Lama di sini bagi menyatakan bantahan bertubung cadangan Projek Tambakan Laut Pulau Pinang Selatan (PSR) di negeri itu.

Pengerusi Persatuan



Nazri (tengah) mengesetujui pertimpunan nelayan yang diadakan di Padang Kota Lama semalam.

Nelayan Pulau Pinang, Nazri Ahmad yang diiringi Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader dan Koordinator Forum Pulau Pinang, Khoo Salma Nasution turut menyerahkan memorandum kepada kerajaan Pulau Pinang.

Memorandum itu diserahkan kepada Pegawai Pe-

nerangan, Zahar Zainul di hadapan pintu masuk Dewan Sri Pinang iaitu lokasi berlangsung Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang.

Nazri berkata, kesemua nelayan terlibat tidak turun ke laut untuk menyertai demonstrasi tersebut bagi memastikan desakan bantahan terhadap projek itu diambil perhatian oleh kerajaan Pulau Pinang.

Menurutnya, bagaimana pun, pihaknya kesal apabila tidak dibenarkan masuk untuk bertemu dengan wakil rakyat bagi menyuarakan pandangan bertubung projek.

"Kehadiran kami di sini untuk menyuarakan bantahan kami yang disuarakan sejak empat tahun lalu. Kami juga hanya mahu serahkan memorandum kepada kerajaan negeri namun kami tidak dibenarkan masuk.

"Tidak seperti di Parlimen kami dibenarkan ber-

jumpa dengan ahli Parlimen malah dengan menteri juga. Kami bukan hendak membantah pembangunan namun isu yang dibangkitkan adalah membabitkan kehidupan dan hak nelayan serta ekosistem yang terjejas sekiranya projek ini dijalankan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penaga, Mohd Yusni Mat Piah yang bertemu dengan kumpulan nelayan itu turut menerima satu salinan memorandum bantahan tersebut.

Beliau berkata, pihaknya prihatin dengan nasib nelayan di Pulau Pinang bertubung isu itu dan akan dibangkitkan dalam ucapannya pada Sidang DUN Rabu nanti.

Georgetown: Lebih 1,000 nelayan, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan aktivis mengadakan bantahan secara aman di Padang Esplanade di sini, semalam bagi mendesak kerajaan negeri memberi perhatian serius mengenai projek tambakan laut di negeri ini yang didakwa menjejaskan alam sekitar.

Bantahan Solidariti Nelayan 2019 anjuran Penang Tolak Tambak itu turut menolak pembangunan sekitar ini dianggap tidak memberikan manfaat kepada rakyat dan tidak munasabah.

Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang (PEN Mutiara), Nazri Ahmad berkata, bantahan berkenaan bukan bermaksud menentang pembangunan tetapi lebih kepada menuntut hak nelayan dan pemuliharaan ekosistem.

Katanya, pembangunan dijalankan dan sedang dirancang hanya akan memusnahkan alam sekitar, sekali gus menjejaskan pendapatan nelayan serta pihak lain yang berkaitan.

"Nelayan memang sudah terjejas sejak sekian lama terutama sejak tambakan laut rançak dijalankan dan bayangkan jika projek Penambakan Selatan Pulau Pinang dijalankan kelak.

"Hari ini (semalam) lebih 2,000 nelayan di Pulau Pinang bersepakat tidak turun ke laut dan sebahagiannya memberi sokongan dengan menyertai bantahan ini," katanya ketika ditemui, semalam.

Sebahagian daripada peserta bantahan berarak



SEORANG aktivis yang menyertai bantahan aman di Padang Esplanade, semalam.

1,000 nelayan, NGO, aktivis anjur bantahan aman

hampir 500 meter ke Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang yang berlangsung di Dewan Sri Pinang, bagi menyerahkan memorandum kepada kerajaan negeri yang diwakili Penolong Pegawai Penerangan, Zainal Zainul.

Hadir sama, Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kadir dan aktivis Penang Forum, Khoo Salma Nasution.

Nazri berkata, sejak 2015 hingga kini, kerajaan negeri tidak pernah memberi maklum balas terhadap memorandum yang diserahkan menerusi pelbagai bantahan

dianjurkan di negeri ini.

Menurutnya, kesan projek tambakan laut bukan saja dirasai nelayan pantai tetapi mereka beroperasi di laut dalam dan industri penternakan ikan terutama di perairan Sungai Udang iaitu yang terbesar di Malaysia.

"Sepatutnya wakil kerajaan negeri datang berbincang dengan nelayan dan mudah bagi kedua-dua pihak memberi penjelasan.

"Namun sebaliknya, mereka (pihak kerajaan negeri) bersikap angkuh, walaupun dianggap sebagai golongan bawahan tetapi kami tidak pernah mela-

kukan provokasi atau bertindak luar batasan setiap kali bantahan dianjurkan," katanya.

Kandungan memorandum itu antara lainnya mengandungi perincian mengenai keadaan laut yang terjejas teruk akibat projek Sri Tanjung Pinang II (STP2) dan kekurangan sumber laut hingga menjejaskan pendapatan nelayan.

Turut dimasukkan dalam memorandum sama adalah mengenai kemusnahan ekosistem apabila projek Penambakan Selatan Pulau Pinang (PSR) dijalankan pada tahun depan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-------------------|---------|------------|
| 5/11/2019 | NEW STRAITS TIMES | ONLINE | |

1,000 fishermen hand protest memo to Penang govt over PSR project



Some 1,000 fishermen today handed a memorandum to the state government to protest against the proposed Penang South Reclamation (PSR) project. -NSTP/RAMDZAN MASIAM

GEORGE TOWN: Some 1,000 fishermen today handed a memorandum to the state government to protest against the proposed Penang South Reclamation (PSR) project.

ADVERTISING

The memorandum was received by state information officer Zahar Zainul at the state legislative assembly building here.

On July 11, the fishermen handed a similar memorandum to Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub in Parliament.

Penang Fishermen's Association chairman Nazri Ahmad said they were disappointed with the "arrogance culture" portrayed by the state government.

"We are here to personally meet state leaders to voice our laments to them," he said.

"We want to tell them personally why we are against the project.

"Instead, we were met by a representative outside the building.

"This is most disappointing. In Parliament, we even managed to meet several Cabinet ministers."

He said they had spoken out against the reclamation project since 2015, but their concerns had fallen on deaf ears.

"There should be a form of cooperation between the state government and us on this issue, but such cooperation is not in sight," he added.

Earlier, they gathered at the adjacent Padang Kota Lama field where several fishermen and non-governmental organisations (NGO) took turns to speak up against the project and its impact on the fishermen, fishing industry and environment.

They repeatedly chanted "Tolak Tambak" and "Bantah Tambak" (reject reclamation).

They also held banners that read "Solidariti Bersama Nelayan" (solidarity with fishermen) and "Something fishy is going on down south".

They were joined by fishermen from Perlis and Perak.

Nazri reiterated that the fishermen were not against development, but were fighting for survival.

"We have heard how the project will have an adverse impact on us, who have been relying on the sea since the time of our forefathers," he said.

"There is no way we can accept the reclamation.

"As such, we urge everyone to stand united with us in our fight against the massive reclamation project."

Nazri stressed that the people would not feel its effects now, but in the long run when fishermen were no longer going to sea.

"Today, some 1,000 fishermen are not at sea," he said.

"So, we don't know where the fishery products will come from.

"What about when the project begins?

"Fishermen will no longer get to go to sea and the people will no longer get to enjoy fresh seafood.

"This is what we dread and fear.

"We already see the impact of reclamation from other projects, and the impact from the PSR, will be even greater."

Meanwhile, Consumers Association of Penang (CAP) president Mohideen Abdul Kader urged all Malaysians to reject the reclamation.

"There is no need for such large scale reclamation.

"Penang has seen many reclamations with adverse impact.

"Why should we need to create three islands, about two-thirds the size of Pulau Jerejak?

"If the state needs land, it can go to the mainland.

"There is still a lot of land there which has yet to be fully developed," he said, adding that the development in the three islands will not benefit locals."

Penang Forum member Khoo Salma Nasution raised the alarm bell that the reclamation would destroy the food chain.

"There will come a time where we eat mee udang (prawn mee) without the prawns or cucur udang (prawn fritters) without the prawns.

Penang assemblyman Mohd Yusni Mat Piah said the opposition would support the fishermen's plight and would speak up against the PSR during the ongoing assembly sitting.

The state government is seeking funding for its Light Rail Transit (LRT) and Pan Island Link (PIL) I projects, both of which are components in the state-initiated RM46 billion Penang Transport Master Plan (PTMP), aimed at addressing the state's worsening traffic woes.

It is expected to fund the massive project through the PSR project, which will see the creation of three man-made islands in the southern part of the island, measuring some 1,800ha.

All three projects have been granted conditional approval by the authorities.

Environmentalists opposed to the PSR project have argued that such a project would adversely impact the livelihood of fishermen and the marine ecosystem in the southern part of the island.

The Penang government is seeking RM10 billion in funding from the Federal Government, and if that is successful, it said it would consider scaling down the project.

PENANG SOUTH RECLAMATION PROJECT

FISHERMEN PROTEST AGAINST RECLAMATION

Memorandum
handed over
to state govt

AUDREY DERMAWAN
GEORGE TOWN
audreymd@nst.com.my

ABOUT 1,000 fishermen in Penang handed over a memorandum to the state government yesterday to protest the proposed Penang South Reclamation (PSR) project.

The memorandum was received by state information officer Zahar Zainul at the State Legislative Assembly building here.

On July 11, the fishermen handed a similar memorandum to Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub in Parliament in Kuala Lumpur.

Penang Fishermen's Association chairman Nazri Ahmad said they were disappointed with the state government's "arrogance culture".

"We were hoping to meet state leaders. Instead, a representative met us."

He said they had been against the project since 2015, but their

protests had fallen on deaf ears.

Earlier, they gathered at the adjacent Padang Kota Lama field with representatives of non-governmental organisations (NGO), taking turns to speak.

They chanted "Tolak Tambak" and "Bantah Tambak" (reject reclamation).

They held banners, which read "Solidariti Bersama Nelayan" (solidarity with fishermen).

They were joined by fishermen from Perlis and Perak.

Nazri said: "We have heard how the project will have an adverse impact on us. There is no way we can accept the reclamation."

"We urge everyone to stand united with us in our fight against this project."

He said people would not feel the effects now, but in the long run when fishermen were no longer going out to sea.

"Today (yesterday), 1,000 of us did not go out to the sea. So we don't know where the supply of fish is going to come from."

"What about when the project begins? The people will no longer get to enjoy fresh seafood. We have seen the impact of reclamation from other projects. The impact from PSR will be greater."

Consumers Association of Penang president Mohideen Abdul Kader said Malaysians should reject the project.

"There is no need for such large-scale reclamation. Why is there a need to create three islands, about two-thirds the size of Pulau Jerejak?"

"If the state needs land, it can go to the mainland. There is land there, which has yet to be fully developed."

Penang Forum member Salma Nasution Khoo said the reclamation would destroy the food chain.

"There will come a time when we eat *mee udang* (prawn mee) or *cucur udang* (prawn fritters) without prawns."

Penaga assemblyman Mohd Yusni Mat Piah said the opposition would support the fishermen and speak up against the PSR at the ongoing state assembly sitting.

The state government is seeking funding for its Light Rail Transit and Pan Island Link 1 projects, both of which are components of its RM46-billion Penang Transport Master Plan, aimed at addressing the state's worsening traffic woes.

It is expected to fund the massive project through PSR, which will see the creation of three man-made islands in the southern part of the island.

All three projects have been granted conditional approval by the authorities.



Fishermen and non-governmental organisation representatives protesting against the Penang South Reclamation project in George Town yesterday. PIC BY RAMDZAN MASIAM